



23 Oktober 2018
23 October 2018
P.U. (A) 269

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI (KADAR CARUMAN BAGI PEMANDU KENDERAAN *E-HAILING*) 2018

SELF-EMPLOYMENT SOCIAL SECURITY (RATES OF CONTRIBUTION FOR E-HAILING VEHICLE DRIVER) REGULATIONS 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI 2017

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI
(KADAR CARUMAN BAGI PEMANDU KENDERAAN *E-HAILING*) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 10 dan perenggan 83(2)(h) Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [*Akta 789*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (Kadar Caruman bagi Pemandu Kenderaan *E-Hailing*) 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 November 2018.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“kenderaan *e-hailing*” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [*Akta 334*];

“pemandu kenderaan *e-hailing*” ertinya mana-mana orang bekerja sendiri yang—

(a) menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 1 Jadual Pertama kepada Akta;

(b) mempunyai lesen memandu yang sah yang dikeluarkan di bawah seksyen 26 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]; dan

(c) bagi maksud perenggan (a), telah dikeluarkan baginya—

- (i) suatu lesen vokasional yang sah di bawah seksyen 56 Akta Pengangkutan Jalan 1987 oleh Pengarah bagi Pengangkutan Jalan; dan
- (ii) suatu kad pemandu atau kad pemandu elektronik yang sah di bawah kaedah 10A Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pengangkutan Perdagangan) 1959 [L.N. 175/1959] oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.

Kadar caruman

3. (1) Tiap-tiap pemandu kenderaan *e-hailing* hendaklah membayar suatu caruman kepada Pertubuhan atau mana-mana ejen keselamatan sosial pekerjaan sendiri pada kadar sebagaimana yang dipilih oleh pemandu kenderaan *e-hailing* itu berdasarkan Pendapatan Bulanan Pilihan yang Diinsuranskan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Tempoh pelindungan bagi kadar caruman yang dipilih oleh pemandu kenderaan *e-hailing* di bawah subperaturan (1) hendaklah bagi tempoh dua belas bulan berturut-turut.

(3) Jika dalam tempoh pelindungan yang disebut dalam subperaturan (2) kesahan lesen vokasional yang dikeluarkan kepada pemandu kenderaan *e-hailing* di bawah seksyen 56 Akta Pengangkutan Jalan 1987, atau kad pemandu atau kad pemandu elektronik yang dikeluarkan kepada pemandu kenderaan *e-hailing* di bawah kaedah 10A Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pengangkutan Perdagangan) 1959, habis tempoh—

- (a) tempoh pelindungan itu hendaklah terus berkuat kuasa sehingga tempoh dua belas bulan berturut-turut itu habis; dan

- (b) pemandu kenderaan *e-hailing* itu hendaklah mengemukakan kepada Pertubuhan, apabila diminta oleh Pertubuhan, lesen vokasional, kad pemandu atau kad pemandu eletronic baharunya, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk penentusahan.

JADUAL

[Peraturan 3]

KADAR CARUMAN BAGI PEMANDU KENDERAAN *E-HAILING*

(1)	(2)	(3)
Bil.	Pendapatan Bulanan Pilihan yang Diinsuranskan (RM)	Kadar caruman bagi dua belas bulan berturut-turut (RM)
1.	1,050.00	157.20
2.	1,550.00	232.80
3.	2,950.00	442.80
4.	3,950.00	592.80

Dibuat 18 Oktober 2018

[KSM/PUU(S)600-1/2/27/5; PN(PU2)744]

M. KULASEGARAN
Menteri Sumber Manusia

SELF-EMPLOYMENT SOCIAL SECURITY ACT 2017

SELF-EMPLOYMENT SOCIAL SECURITY
(RATES OF CONTRIBUTION FOR E-HAILING VEHICLE DRIVER) REGULATIONS 2018

IN exercise of the powers conferred by section 10 and paragraph 83(2)(h) of the Self-Employment Social Security Act 2017 [Act 789], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Self-Employment Social Security (Rates of Contribution for E-Hailing Vehicle Driver) Regulations 2018**.

(2) These Regulations come into operation on 1 November 2018.

Interpretation

2. In these Regulations—

"e-hailing vehicle" has the meaning assigned to it under section 2 of the Commercial Vehicles Licensing Board Act 1987 [Act 334];

"e-hailing vehicle driver" means any self-employed person who—

(a) carries out the self-employment activity as specified in item 1 of the First Schedule to the Act;

(b) holds a valid driving licence issued under section 26 of the Road Transport Act 1987 [Act 333]; and

(c) for the purposes of paragraph (a), has been issued with—

(i) a valid vocational licence under section 56 of the Road Transport Act 1987 by a Director for Road Transport; and

- (ii) a valid driver's card or electronic driver's card under rule 10A of the Motor Vehicles (Commercial Transport) Rules 1959 [L.N. 175/1959] by the Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat or Commercial Vehicles Licencing Board.

Rates of contribution

3. (1) Every e-hailing vehicle driver shall pay a contribution to the Organization or any self-employment social security agent at the rates as selected by the e-hailing vehicle driver based on the Selected Insured Monthly Earning as specified in the Schedule.

(2) The coverage period for the rates of contribution selected by the e-hailing vehicle driver under subregulation (1) shall be for a period of twelve consecutive months.

(3) If within the coverage period referred to in subregulation (2) the validity of the vocational licence issued to the e-hailing vehicle driver under section 56 of the Road Transport Act 1987, or the driver's card or electronic driver's card issued to the e-hailing vehicle driver under rule 10A of the Motor Vehicles (Commercial Transport) Rules 1959, expires—

- (a) the coverage period shall continue to have effect until the period of twelve consecutive months expires; and
- (b) the e-hailing vehicle driver shall submit to the Organization, upon request by the Organization, his new vocational licence, driver's card or electronic driver's card, as the case may be, for verification.

SCHEDULE

[Regulation 3]

RATES OF CONTRIBUTION FOR E-HAILING VEHICLE DRIVER

(1)	(2)	(3)
No.	Selected Insured Monthly Earning (RM)	Rates of contribution for twelve consecutive months (RM)
1.	1,050.00	157.20
2.	1,550.00	232.80
3.	2,950.00	442.80
4.	3,950.00	592.80

Made 18 October 2018

[KSM/PUU(S)600-1/2/27/5; PN(PU2)744]

M. KULASEGARAN
Minister of Human Resources